

## **POLEMIK KEBUDAYAAN DONGSON DI ASIA TENGGARA**

### ***POLEMICS IN DONGSON CULTURE AT SOUTHEAST ASIA***

**Adnan Jusoh**

**Universiti Pendidikan Sultan Idris, MALAYSIA**

#### **Abstrak**

Artikel ini memfokuskan tentang polemik berkaitan dengan kemunculan kebudayaan Dongson di Asia Tenggara. Polemik berkaitan dengan kebudayaan ini muncul disebabkan oleh wujudnya pelbagai pandangan yang diberikan oleh para sarjana berdasarkan kajian yang dilakukan oleh mereka. Objektif utama makalah ini adalah membincangkan polemik yang timbul berkaitan dengan kebudayaan Dongson di Asia Tenggara. Selain itu, objektif makalah ini turut mengenalpasti isu atau aspek yang sering menjadi perdebatan dalam kalangan sarjana. Di samping itu, makalah ini juga menganalisis beberapa pandangan sarjana khususnya dalam bidang arkeologi berkaitan dengan polemik kebudayaan Dongson di Asia Tenggara. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dengan merujuk sejumlah buku, artikel dan kertas kerja seminar yang ditulis oleh para sarjana yang pernah mengkaji berkaitan dengan kebudayaan Dongson. Hasil kajian mendapati polemik muncul adalah disebabkan oleh kajian secara berterusan yang dijalankan oleh para sarjana, malah setiap penemuan adalah disokong dengan bukti baharu dan relevan. Tambahan pula liputan kawasan yang dikaitkan dengan penyebaran kebudayaan Dongson adalah merangkumi kawasan yang luas di Asia Tenggara termasuk negara China. Kesimpulannya, polemik berkaitan kebudayaan Dongson muncul selagi terdapat penyelidikan yang dilakukan oleh para sarjana kerana antara asas kebudayaan ini adalah penemuan gendang gangsa yang tersebar luas di Asia Tenggara dan China.

**Kata kunci:** Arkeologi, Gendang Dongson, prasejarah, polemik, kebudayaan Dongson

#### **Abstract**

*This article focuses on the polemic related to the emergence of Dongson culture in Southeast Asia. Polemics related to this culture appear due to the existence of various views given by scholars based on the research done by them. The main objective of this paper is to discuss the polemics that arise related to Dongson culture in Southeast Asia. In addition, the objective of this paper also identifies issues or aspects that are often debated among scholars. In addition, this paper also analyzes some scholars' views especially in the field of archeology related to the polemic of Dongson culture in Southeast Asia. This study uses bibliographic methods by referring to a number of books, articles and seminar papers written by scholars who have studied Dongson culture. The results of the study found that polemics appear due to continuous research conducted by scholars, and each finding is supported by new and relevant evidence. In addition, the coverage of the area associated with the spread of Dongson culture covers a wide area in Southeast Asia including the country of China. In conclusion, polemics related to Dongson culture appear as long as there is research done by scholars because one of the foundations of this culture is the discovery of bronze drums that are widespread in Southeast Asia and China.*

**Keywords:** Archaeology, Dongson drum, prehistory, polemic, Dongson culture

## Pengenalan

Sejak dari zaman prasejarah lagi benua Asia diwarnai oleh pelbagai ragam manusia dengan ciri-ciri kebudayaan yang sememangnya sangat berbeza. Kerencaman budaya ini disebabkan oleh kewujudan pelbagai jenis suku atau etnik yang menghuni di setiap pelusuk Tanah Besar Asia termasuklah mereka yang mendiami kepulauan di Asia Tenggara. Faktor alam semula jadi menjadi faktor pemisah yang sangat utuh sehingga mempengaruhi perkembangan populasi dan pola petempatan manusia. Dalam suasana keterasingan dan rigid dengan ketaksuban terhadap puak masing-masing, lazimnya masih wujud komunikasi sesama mereka walaupun dalam keadaan yang agak terhad. Walau bagaimanapun, dalam keadaan yang tertentu tidak kurang juga berlaku pertembungan akibat perselisihan kecil terutama apabila melibatkan penguasaan kawasan atau pertelingkahan kerana berebut kuasa sehingga terjadi pertumpahan darah. Fenomena ini telah menjadikan lanskap benua Asia sangat unik dengan tumbuhnya pelbagai bentuk ragam kebudayaan dan kepercayaan sehingga membentuk identiti masyarakatnya yang tersendiri.

Walau bagaimanapun lazimnya perkembangan tamadun sesebuah masyarakat akan mengalami perubahan disebabkan oleh faktor masa dan kemajuan yang dicapai oleh manusia. Secara tidak langsung elemen inijuga akan turut memberi tempias kepada perkembangan kebudayaan masyarakat yang masih mendiami rantau ini. Terdapat beberapa warisan kebudayaan silam ini dipercayai masih lagi diamalkan oleh beberapa suku atau etnik tertentu terutama di kawasan terpencil di pedalaman sama ada di Tanah Besar Asia dan kepulauan Asia Tenggara. Namun demikian, memang tidak dapat dinafikan ada juga beberapa kebudayaan tertentu telah lenyap. Malahan ada jugasebahagian daripada kebudayaan suku atau etnik tertentu sudah tidak diketahui lagi oleh masyarakat yang hidup pada masa kini.

## Latar Belakang

Terdapat beberapa nama besar dalam bidang arkeologi yang pernah membuat kajian berkaitan dengan kebudayaan Dongson. Para sarjana tersebut terdiri daripada penyelidik Barat semenjak awal abad ke -20 lagi susulan penemuan gendang gangsa di Vietnam. Namun setelah negara-negara di Asia Tenggara mencapai kemerdekaan tugas penyelidikan ini diambil alih pula oleh penyelidik tempatan, termasuk juga penyelidik dari Jepun. Kebanyakan hasil tulisan mereka diterbitkan dalam bentuk artikel dan kertas kerja seminar yang membincangkan sama ada berkaitan dengan gendang gangsa, gendang Dongson, kebudayaan Dongson atau objek zaman Logam di Asia Tenggara. Antaranya ialah J.D.E. Smeltz's (1896), A.B. Mayer & Foy (1897), Franz Heger (1902), Victor Goloubew (1932), R. Heine-Guildern (1937), Bernhard Kalgren (1942), W. Linehan (1951), J. Lowenstein (1956), Olov Janse (1958), Huang Zengqing (1964), B.A.V. Peacock (1965), R. Soekmono (1973), Pham Huy Thong (1974), Hong Sheng (1974), Richard Morrall Cooler (1979), Sylvia Fraser-Lu (1983), Peter Bellwood (1985), Bernet Kempers (1988), Pham Minh Huyen, Nguyen Van Hao & Lai Van Toi (1990), Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (1998), Niita Eiji (2002), Leong Sau Heng (2002), Per Sorenson (2002), Xiaorong Han (2004), Matinee Jirawathaawa (2004), Judith Cameron (2004), Mahdi Bahar (2006), Adnan Jusoh (2004) dan beberapa orang penyelidik lagi. Kupasan terkini mengenai kebudayaan ini dilakukan oleh Adnan Jusoh dalam bukunya yang bertajuk ‘Kebudayaan Dongson di Asia Tenggara – Sejarah kemunculan dan perkembangan’ dan diterbitkan dalam tahun 2022.<sup>1</sup>

Istilah ‘Dongson’ mulai popular setelah seorang ahli ethnografi dari Austria yang bernama Franz Heger membuat klasifikasi ke atas gendang gangsa di Vietnam dalam tahun 1902.<sup>2</sup> Semasa menjalankan kajiannya, Franz Heger mendapati gendang gangsa yang ditemui bukan sahaja dalam jumlahnya yang besar, tetapi juga ia terdiri dari pelbagai bentuk dan saiz. Keadaan ini menyukarkan beliau untuk menentukan status sesebuah gendang gangsa sama ada gendang yang asal atau sebagainya. Justeru itu, untuk memudahkan kajiannya beliau memutuskan untuk membuat klasifikasi supaya ia menjadi piawai yang standard dan boleh dirujuk oleh mana-mana penyelidik selepasnya. Akhirnya Franz Heger membuat klasifikasi gendang gangsa yang ditemui tersebut kepada empat (4) jenis, iaitu gendang gangsa Heger I, Heger II, Heger III dan Heger IV.<sup>3</sup>

Franz Heger telah mengklasifikasikan gendang gangsa yang dijumpai di kawasan Dongson (Vietnam) sebagai gendang gangsa yang paling awal sekali dan gendang jenis ini diklasifikasikan sebagai gendang Heger I. Secara kebetulan pula gendang gangsa dari jenis gendang Heger I jumlahnya sangat banyak ditemui di utara Vietnam terutamanya di kawasan Dongson.<sup>4</sup> Justeru itu, gendang gangsa dari jenis Heger I ini menjadi sangat popular dan ia kemudiannya telah menjadi ikon kepada kebudayaan Dongson di Asia Tenggara. Dengan demikian apabila memperkatakan kebudayaan Dongson, maka secara tidak langsung pemahaman atau fokus perbincangan juga akan tertumpu kepada gendang gangsa yang ditemui di kawasan Dongson atau gendang gangsa dari jenis Heger I.<sup>5</sup>

## Kebudayaan Dongson

Dari segi harfiah, kebudayaan ialah cara hidup manusia yang melihat sudut pandang kehidupan dari pelbagai aspek. Ia melibatkan *view of life* mereka sama ada dari segi pola berfikir, tata cara bertindak, bergaul, pengalaman adat istiadat, pantang larang, kepercayaan dan sebagainya. Realitinya kebudayaan sesuatu etnik atau masyarakat boleh berkembang dengan cara diwarisi dari satu generasi ke generasi berikutnya. Namun demikian sesuatu kebudayaan juga boleh lenyap sama ada ditelan masa atau diserap oleh kebudayaan luar yang lebih dominan. Hal ini demikian kerana banyak kebudayaan besar di seluruh dunia sebelum ini telah lenyap kecuali dalam bentuk tinggalan budaya kebendaan yang masih tersisa sama ada dalam bentuk artifak, monumen dan tapak bersejarah.

Salah satu kebudayaan yang pernah mewarnai masyarakat di Asia ialah kebudayaan Dongson.<sup>6</sup> Kebudayaan ini adalah sezaman dengan kemunculan kerajaan awal di Vietnam iaitu kerajaan Van Lang dan Au Lac. Kebudayaan ini juga diasosiasikan dengan penemuan objek gangsa yang ditemui di kawasan petempatan Dongson dan di tapak pengkebumian seperti di Viet Khe, Lang Ca dan Lang Vac. Antara objek tersebut adalah loceng gangsa, mangkuk gangsa, kapak gangsa bersoket, mata atau kepada anak panah, mata lembing, alat penggali, gelang tangan, cucuk sanggul dan sebagainya.<sup>7</sup> Berikut adalah sebahagian daripada artifak yang mewakili kebudayaan Dongson ditemui di beberapa tapak di Asia Tenggara dan China.

**Rajah 1: Sebahagian daripada artifak kebudayaan Dongson**




Sumber: National Museum of History, Hanoi, Vietnam, 2014

Walaupun gendang gangsa sering kali dianggap sebagai objek utama dalam kebudayaan ini, namun apabila membicarakan kebudayaan Dongson ia membawa maksud yang tersendiri. Menurut Per Sorensen:

*“The Dongson culture is more than kettledrums. It is a fully developed culture based on rice agriculture and husbandry, with bronze and iron tools, elaborate often richly decorated bronze containers, bronze ornaments and beads, often exotic acquired through long distance trade. It was a principality or groups of principalities, and with socially very stratified society.”<sup>8</sup>*

Sehubungan itu, kebudayaan Dongson sewajarnya dilihat dalam konteks yang lebih luas dan dari pelbagai perspektif. Hal ini demikian kerana kebudayaan Dongson memaparkan pencapaian atau kemajuan dalam beberapa aspek kehidupan meliputi sistem kepercayaan, aktiviti ekonomi dan perdagangan, hirarki sosial dalam kehidupan bermasyarakat, kemunculan masyarakat agraria, masyarakat maritim, pola petempatan, pesta atau sambutan perayaan, ritual dan sebagainya. Paparan aktiviti sedemikian dimanifestasikan melalui lakaran motif dan pola hiasan yang terdapat pada gendang gangsa yang dihasilkan oleh masyarakat yang mengamalkan kebudayaan Zaman Logam di beberapa tapak di Asia dan China. Berikut adalah sebahagian daripada lakaran motif hiasan yang dipaparkan pada timpanum gendang Dongson.

Rajah 2: Variasi motif hiasan pada timpanum gendang Dongson



Sumber: Pham Huy Thong, *Dong Son drums in Vietnam*, Vietnam Social Sience Publishing House, 1990

Sementara itu, jika ditinjau dari aspek lokasi, ada juga pandangan sarjana yang menyatakan bahawa kebudayaan Dongson adalah berasal dari kawasan utara Vietnam. Pusat kebudayaan ini bertumpu di Co Loa (Vietnam) yang meliputi kawasan seluas lebih kurang 600 hektar. Di lokasi tersebut masyarakatnya mengamalkan kehidupan bercorak agraria berdasarkan pengeluaran beras melalui pembukaan sawah padi dengan menggunakan kerbau. Pengkhususan kerja dalam masyarakat agak ketara dengan kemunculan kelompok individu yang mahir di dalam bidang tertentu seperti dalam seni pertukangan tangan, pedagang, pemerintah, petani, penternak dan sebagainya. Hakikat ini diperkuatkan lagi dengan penemuan kubur mewah, sederhana dan miskin di kawasan tersebut. Malahan Leong Sau Heng menegaskan kebudayaan Dongson bermula di Vietnam dengan tapak utamanya yang dijumpai pada tahun 1924 iaitu di tebing Sungai Song Ma dekat kampung Dongson di utara Vietnam.<sup>9</sup> Kebudayaan Dongson kemudiannya tersebar di beberapa kawasan di Asia Tenggara seperti Thailand, Filipina, Borneo dan Indonesia. Kebudayaan Dongson turut merangkumi percantuman kebudayaan yang berasal dari Sungai Ma, utara Vietnam dengan cara hidup dan amalan yang telah dipraktikkan di dalam masyarakat setempat di rantau ini.

Sementara itu, menurut Charles Higham pula, sebahagian pengetahuan berkaitan dengan Kebudayaan Dongson banyak diperoleh daripada tapak perkuburan. Salah satu daripadanya ialah Co Loa yang terletak di Lembah Red River iaitu kira-kira 15 km di barat laut Hanoi. Berdasarkan bukti yang diperoleh menunjukkan tapak ini muncul sekitar abad ke-3 SM.<sup>10</sup> Satu lagi tapak yang ditemui ialah Quy Chu yang terletak kira-kira 2 km di Dongson iaitu di kawasan Ma River. Tapak perkuburan ini telah dijalankan ekskavasi arkeologi pada tahun 1976-1978 dan tarikh radio-karbon yang diperoleh menunjukkan tapak ini berusia di antara 875 dan 600 SM. Menurut Charles Higham lagi, sungguhpun tidak ada rangka manusia yang lengkap ditemui, namun sebanyak 314 kubur telah ditemui di Lang Ca. Selain daripada ditemui beberapa artifak seperti kapak, alat penggali dan beberapa artifak lain, turut ditemui adalah beberapa buah daripada kubur tersebut menunjukkan pemiliknya mempunyai status yang tinggi dalam hirarki masyarakat. Kubur yang berstatus mewah juga ditemui di Viet Khe dan Chau Chan dengan penemuan sejumlah artifak berupa alat senjata yang diperbuat daripada

gangsa, loceng gangsa, gendang gangsa, pedang, sepasang pisau, kepala panah dan sebagainya.<sup>11</sup>

Walau bagaimanapun, kajian oleh beberapa penyelidik mendapati kebudayaan yang telah diamalkan oleh etnik di Sungai Ma, Dongson, utara Vietnam pada zaman Logam turut diamalkan oleh komuniti lain di beberapa buah negara di Asia Tenggara. Tanpa mengira dari jenis atau klasifikasi manapun didapati penggunaan gendang gangsa di kawasan Asia Tenggara dan China adalah meluas dan melibatkan pelbagai kumpulan etnik. Menurut Chin You-Di, terdapat beberapa etnik yang berkaitrapat dengan penggunaan gendang gangsa di Asia Tenggara dan China. Antara etnik tersebut ialah komuniti yang mendiami di kawasan Dongson, Vietnam iaitu berkemungkinan etnik Yueh atau Viet, penduduk di bahagian utara Thailand terutama yang mengamalkan kebudayaan Srivijaya, etnik Muong di Vietnam, etnik Tai Yai dan Inthas di Myanmar, etnik Karen di Myanmar, etnik Zhuang di selatan China dan etnik Han di China.<sup>12</sup>

Menurut Richard Morrall Cooler, selain etnik Karen, terdapat beberapa etnik kecil yang lain turut terlibat di dalam menggunakan gendang gangsa seperti etnik Meo, Chin, Kachin dan Yao.<sup>13</sup> Sementara itu, menurut Bernet Kempers, gendang gangsa juga digunakan oleh etnik Muong yang tinggal di kawasan pergunungan di utara Vietnam dan utara Annam. Begitu juga dengan etnik Khmu tinggal di utara Vietnam terlibat dengan penggunaan gendang gangsa sama seperti yang diamalkan oleh etnik di Dongson. Selain digunakan oleh etnik Karen di Myanmar, gendang gangsa dari jenis Heger III juga turut digunakan oleh etnik Shan dan suku Intha yang terdapat di bahagian timur Myanmar. Gendang gangsa dari jenis Heger III juga turut digunakan oleh etnik Lamet dan Kammu yang tinggal di kawasan utara Laos. Menurut Bernet Kempers lagi, etnik yang tinggal di kawasan pergunungan di Yunnan dan Sichuan seperti etnik Miao-tse dan Lolo adalah di antara kaum bukit yang dikatakan masyarakat yang menghasilkan gendang yang awal dari jenis gendang gangsa Heger IV.<sup>14</sup> Jelas sekali penggunaan gendang gangsa merentasi pelbagai suku kaum atau etnik yang hidup bertaburan di seluruh rantau tanah besar dan juga kepulauan di Asia Tenggara.

## Polemik Kebudayaan Dongson

Seperti yang telah dibincangkan di atas, kebudayaan Dongson adalah merujuk kepada tinggalan artifak yang dihasilkan oleh masyarakat yang hidup dalam zaman Logam, namun lazimnya objek utama adalah merujuk kepada gendang gangsa. Secara tidak langsung kefahaman tentang kebudayaan Dongson juga adalah dikaitkan dengan gendang gangsa sehingga kadang kalaia menimbulkan polemik dalam kalangan sarjana.

## Asal Usul

Banyak tulisan sarjana yang menghuraikan tentang asal usul kebudayaan Dongson. Ia dikaitkan dengan sebuah lokasi yang dikenali Dongson, terletak di utara Vietnam. Lokasi ini terletak di sebelah selatan tebing Sungai Ma lebih kurang 10 kilometer ke timur laut bandar Thanh-hoa.<sup>15</sup> Tapak ini merupakan salah satu tapak pembuatan peralatan yang diperbuat daripada logam yang terawal di Asia Tenggara. Antara peralatan atau objek kebudayaan yang ditemui di tapak ini ialah peralatan memasak, mangkuk, tempayan, gendang gangsa, kotak kayu, peralatan perang daripada gangsa seperti mata lembing, kapak gangsa, anak panah, belati, perisai, pedang dan sebagainya.<sup>16</sup> Objek gangsa lain seperti jarum, mata kail dan pengikis juga

turut ditemui. Selain itu, alat-alat yang digunakan untuk aktiviti pertanian seperti kapak, penyedok bersoket dan *hoes* juga turut ditemui. Lokasi Dongson merangkumi satu kawasan yang luas, namun lokasi utamanya sering dikaitkan dengan kawasan sekitar Red River dan Ca River yang terletak di utara Vietnam.<sup>17</sup> Pandangan ini turut disokong oleh Judith Cameron apabila beliau menyatakan:

*“Dongson sites have been identified over a wide geographical area extending from northern Vietnam to some 90 km north of Hue in central Vietnam, and northeast to southern Guangxi and Guangdong in China. The greatest concentration of Dongson site, however, lies in the Red River plains of northern Vietnam.”<sup>18</sup>*

Walau bagaimanapun, ada juga beberapa pandangan lain berkaitan dengan kebudayaan Dongson di rantau ini. Kebanyakan mereka berpendapat bahawa asal usul gendang gangsa yang menjadi rujukan kebudayaan Dongson adalah berasal dari China. Antaranya ialah Victor Goloubew yang menyatakan bahawa, *...the Dongson drums, of Heger Type I, to either the first century CE or the first century BCE, and argued that they were of Chinese origin. The drums were thus not of local provenance.*<sup>19</sup> Selanjutnya beliau mengulangi kenyataannya dalam kertas kerja yang bertajuk ‘On the Origin and Diffusion of the Metal Drums’ iaitu semasa seminar yang diadakan di *The First Congress of Prehistorians of the Far East* dalam tahun 1932 di Hanoi. Beliau menegaskan bahawa...*that the bronze age of the latter was the result of technological diffusion through Indochina.*<sup>20</sup> Begitu juga dengan pendapat yang dilontarkan oleh seorang penyelidik iaitu Olov Janse (1958), beliau mengemukakan pandangannya bahawa:

*“...the Dongson culture was the result of Chinese influences in the third or fourth century BCE. Before that time Dongson had been inhabited by a ‘stone-age’ Indonesia or proto-Malayan people. Chinese pioneers of possibly ‘sinicised Thais’ brought the use of tools and weapons made of bronze and iron and other Chinese cultural elements. Janse suggested that, as a consequence of Chinese conquest, sinicised ‘Indonesian or proto-Annamites (Vietnamese)’ may have migrated south, bringing ‘elements of a relatively high civilization with them.’*<sup>21</sup>

Berkaitan dengan isu ini juga, Bernhard Kalgren seorang sinologist dari Sweeden menyatakan pendapatnya dalam kertas kerja yang bertajuk “The Date of the Early Dongson Culture”, dan diterbitkan dalam *Bulletin of the Museum of Far Eastern Antiquities*. Bernhard Kalgren mengemukakan pandangan yang lebih tegas di mana beliau menyatakan bahawa, *...the Dongson culture was fundamentally Chinese*. Beliau selanjutnya menegaskan lagi isu ini dengan mengemukakan pandangannya, *the Dongson bronze artefacts were related to the pre-Han central Chinese bronze culture of Huai, and dated them to the 4<sup>th</sup>-3<sup>rd</sup> century BCE.*<sup>22</sup> Pandangan beliau ini adalah sebagai reaksi dengan pendapat yang dikemukakan oleh Robert von Heine-Geldern yang menyatakan:

*“...that on the basis of similarities between weapons, tools, ornaments and decorative designs of the European Bronze Age culture of Hallstatt and Dongson that the artistic motifs of the latter were brought to Vietnam by invaders bearing the culture of the former during the 8<sup>th</sup> century BCE.”<sup>23</sup>*

Justeru, berkaitan dengan isu ini, Per Sorensen telah mengutarakan pandangannya bahawa kebudayaan Dongson tidak hanya merujuk di kawasan Vietnam utara sahaja, malah ia turut meliputi sebahagian kawasan yang terletak di selatan China.<sup>24</sup> Dalam konteks ini beliau menyatakan,

*“...the Dongson culture is a distinct culture mainly within the geographical borders of present-day North Vietnam. However, recent research seems to indicate that it is not homogenous, and that within this area there were local variations of differences, some of which may have extended into parts of South China.”*

Selanjutnya Per Sorensen menambah:

*“It obviously had the character of a principality, a group of principalities and together with the Dian culture in Yunnan appears to have stood out from the rest of rival chiefdoms in South China at the beginning of the Iron Age in the 6<sup>th</sup> century BC but mainly flourishing from 300 BC into the 2<sup>nd</sup> century AD.”<sup>25</sup>*

Di samping itu, Per Sorensen juga menyatakan bahawa terdapat hubung kait yang erat di antara komuniti yang mengamalkan kebudayaan Dongson (Vietnam) dengan kebudayaan Dian (Yunnan). Beliau menyatakan bahawa,

*“In Yunnan the chiefdom of Dian dominated the lake area that bears the same name and with its two main necropolises at Shizhaishan and Lijiashan have shown the richness of the local aristocrats, interred as they were sometimes in lacquered coffins, and in one case with a seal with the inscription “the seal of the King of Dian”, a gift from the Han emperor. The Dongson culture also had its aristocrat’s graves at several sites, often with the bodies buried in wooden coffins with elaborate locally manufactured bronzes decorated with the local design so well known from the drums, besides imported Chinese mirrors. Dian and Dongson share many details in common, and they obviously exerted some influence on each other, both culturally and probably also through exchange and trade, which is in no way surprising, as they are connected with each other by the Red River. They shared the same fate, both being conquered by the Han Dynasty, but it is unlikely that this brought an immediate end to their cultural existence.”<sup>26</sup>*

Berdasarkan perbincangan di atas adalah jelas sekali bahawa asal usul kebudayaan Dongson didapati belum ada jawapan yang konkret sama ada Vietnam atau China. Justeru itu, apabila membincangkan tentang kebudayaan Dongson, isu tentang asal usul kebudayaan ini terus menjadi polemik dalam kalangan sarjana. Dalam konteks ini penulis lebih cenderung berpandangan bahawa asal usul sebenar kebudayaan ini adalah berasal dari China sebelum ia berkembang di Vietnam. Hal ini demikian kerana pada zaman dahulu tiada sempadan yang jelas memisahkan antara negara China dan Vietnam sebagaimana hari ini. Keadaan ini menyebabkan berlaku perkongsian sosiobudaya disebabkan percampuran di antara suku kaum atau etnik yang mendiami rantau tersebut. Tambahan pula Vietnam pernah dijajah oleh China selama 10 abad bermula dari 111 SM lagi sebelum mereka berjaya membebaskan diri pada tahun 938 Masehi. Dongson hanya mulai terkenal apabila Franz Heger membuat klasifikasi terhadap gendang gangsa di kawasan tersebut pada tahun 1902 Masehi, walhal pada masa sama gendang gangsa terus berkembang dan digunakan sekian lamanya dalam kehidupan seharian oleh beberapa etnik yang terdapat di China.

## **Periodisasi**

Status kemunculan kebudayaan Dongson juga telah menimbulkan polemik dalam kalangan sarjana. Umpamanya, jika dilihat dari segi ruang masa ataupun pentarikhan, kebudayaan Dongson dipercayai bermula sekitar tahun 500 BC hingga kira-kira tahun 500 AD. Menurut Posit Charoewongsa, kebudayaan ini dikatakan wujud sekitar 600 BC (Stein Callenfels 1938), 500 BC (Janse 1961) dan 350 BC (Karlgren 1942). Dalam hal ini, Saurin & Carlbonnel lebih cenderung untuk menerima pandangan pentarikhan adalah 600 BC sebagai permulaan kebudayaan ini. Sebaliknya Watson pula berpendapat tradisi membuat peralatan Dongson bermula di antara abad ke-6 hingga ke-2 SM. Kebudayaan Dongson dikatakan berakhir akibat penaklukan oleh Dinasti Han yang diketuai General Ma Yuan sekitar 43 AD.<sup>27</sup> Sungguhpun demikian, tradisi pembuatan objek ini terus berjalan di merata lokasi di sekitar tanah besar Asia untuk beberapa tempoh selepas penaklukan tersebut. Pendapat ini turut dikongsi oleh Robert E. Murrowchick yang menyatakan Zaman Gangsa di delta Red River, utara Vietnam terbahagi kepada empat tahap iaitu:

- i. Phung Nguyen akhir atau Go Bong (Neolitik akhir/zaman Gangsa awal - 2000-1500 SM).
- ii. Dong Dau (Pertengahan zaman Gangsa -1500-1000 SM).
- iii. Go Mun (Zaman Gangsa akhir -1000-500 SM).
- iv. Dongson (Terminal zaman Gangsa/zaman Besi awal- 600- 258 SM).<sup>28</sup>

Sementara itu, menurut Tawara Kanji, tahap Dong Dau dan Go Mun dikategorikan sebagai Zaman Gangsa Awal dan tahap Dongson pula sebagai Zaman Gangsa Akhir.<sup>29</sup> Permulaan zaman kebudayaan Dongson boleh dikesan melalui perbandingan komposisi bahan yang digunakan dan hasil daripada analisis radio karbon. Contohnya gendang gangsa yang ditemui di beberapa lokasi di selatan China seperti Viet Khe dan Chau Can menunjukkan pentarikhan sekitar 2500-2300 BP. Menurut Tawara Kanji lagi tempoh masa Kebudayaan Dongson wujud sekitar 2400 BP iaitu di antara Zaman Gangsa Awal dan Zaman Gangsa Akhir.<sup>30</sup>

Sementara itu, Leong Sau Heng pula menyatakan bahawa kewujudan Kebudayaan Dongson bermula semenjak Zaman Gangsa lagi.<sup>31</sup> Kenyataan beliau ini adalah berdasarkan kepada penemuan artifak di beberapa tapak ekskavasi. Namun demikian menurut Bernet Kempers, kebudayaan Dongson adalah sezaman dengan kemunculan beberapa buah kerajaan yang awal di Vietnam seperti kerajaan Van Lang dan Au Lac. Menurut Bernet Kempers lagi:

*“Sometime in the course of the Earlier Bronze Age the first kingdom in Vietnam, Vanlang, was founded by the Hung Dynasty, that had arisen from Lac Viet (Lo Yue). The Hung capital was sources (from eight and tenth centuries A.D.), has recently been related to the descendants of the people of the Phung Nguyen culture in the Red River basin and with the later stages of the Bronze Age sequence, including the early Dongsonian. The Vanlang kingdom may have been founded around 800 B.C. It came to an end after Vanlang had been conquered by the kingdom of Au Lac (257-208 B.C.). The kingdom was established by a confederation of mountain tribes, the Au Viet, who originally came from Guangzi and subsequently had their main habitat in northern Vietnam (the later province as An duo'ng) conquered the Lac Viet (Vanlang) territories and created a new kingdom (Au Lac), with Co Loa as its capital (in the province of Bac Ninh, northeast of Hanoi). Au Lac in its turn was succeeded by the kingdom of Nam Viet (Nanyuen or southern Yue) of the Trieu kings (207-111B.C.)”<sup>32</sup>*

Berdasarkan perbincangan di atas didapati isu berkaitan dengan periodisasi tentang kebudayaan Dongson masih menjadi polemik dalam kalangan sarjana. Polemik ini timbul disebabkan liputan atau ruang lingkup kawasan masyarakat yang dikaitkan mengamalkan kebudayaan ini sangat luas. Malahan kemunculan polemik kebudayaan Dongson juga adalah dikaitkan dengan tempoh masa yang lama serta bertindih dengan beberapa buah kerajaan awal di Vietnam. Walau bagaimanapun tempoh ataupun periodisasi yang realistik bagi kebudayaan Dongson adalah bermula sekitar tahun 500 BC hingga kira-kira tahun 500 MasehiAD.

## **Penyebaran**

Skop perbincangan mengenai Kebudayaan Dongson di rantau Asia Tenggara tidak dapat dipisahkan dari membincangkan penyebaran artifak utama yang mewakili zaman tersebut iaitu gendang gangsa. Penyebaran objek ini meliputi kawasan yang luas dan menjadi objek yang amat popular di beberapa komuniti khususnya di Asia sejak zaman prasejarah lagi. Fenomena ini telah menyebabkan penyebaran objek kebudayaan ini sering dikaji oleh ramai penyelidik sama ada dari barat atau timur. Hasilnya wujudlah polemik berkaitan dengan bentuk penyebaran gendang gangsa di Asia Tenggara.

Umpamanya, pandangan mengenai asal usul di mana gendang gangsa dibuat juga dikemukakan oleh A.B. Meyer & W. Foy (1897). Mereka telah membuat kajian perbandingan ke atas gendang gangsa di Asia Tenggara berpendapat bahawa gendang gangsa yang awal telah dibuat di Kemboja. Dari Kemboja kemudiannya gendang gangsa disebarluaskan di seluruh rantau Asia Tenggara termasuklah di kepulauan Indonesia.<sup>33</sup> Kedua-dua penyelidik ini berpendapat bahawa beberapa objek gangsa adalah berasal dari Batoe Gadjah, Sumatera, Indonesia.

Kemudian objek ini telah dibawa masuk ke Tanah Melayu dan ia sebenarnya dikatakan berasal dari Khmer (Kemboja). Mereka menyatakan bahawa objek gangsa telah dibawa masuk oleh migrasi penduduk dari utara, kemudiannya diperkenalkan oleh komuniti Melayu-proto ke Tanah Melayu.<sup>34</sup>

Sementara itu, W. Linehan berpendapat bahawa kebudayaan Dongson adalah berasal dari Funan dalam abad ke-2 SM di mana kerajaan Funan telah dikuasai oleh kerajaan India yang menduduki Indo-china. Pendapat beliau sebenarnya secara tidak langsung jelas menunjukkan bahawa penyebaran gendang dan loceng gangsa adalah berasal dari kawasan Indochina.<sup>35</sup> Berdasarkan pendapat tersebut juga adalah jelas menujukkan bahawa objek gangsa yang dijumpai di beberapa lokasi di kawasan Asia Tenggara termasuk jumpaan di Semenanjung Tanah Melayu, Jawa, Sulawesi dan beberapa tempat lagi sebenar telah diimport dari luar. Linehan juga berpendapat bahawa semua alat gangsa sama ada gendang, loceng, alat bersoket dan sebagainya telah diperkenalkan di Semenanjung Tanah Melayu di antara awal abad pertama hingga abad ke-3 M.

Namun demikian, Bernet Kempers pula menyatakan bahawa kehadiran gendang gangsa ke Asia Tenggara khususnya di beberapa kepulauan Indonesia adalah dibawa masuk oleh pelarian dari kawasan utara Vietnam.<sup>36</sup> Beliau menyatakan bahawa sekitar abad ke-3 M, Dinasti Han yang mengamalkan polisi perluasan kuasa telah menakluki kawasan utara Vietnam dan sekitarnya. Keadaan ini telah menyebabkan masyarakat tempatan terpaksa melarikan diri dan keluar dari kawasan utara Vietnam menuju ke kawasan selatan. Kehadiran kelompok pelarian ini turut membawa sejumlah peralatan yang sering digunakan di tempat mereka berupa artifak gendang gangsa.<sup>37</sup>

Ramai juga sarjana di bidang arkeologi berpendapat bahawa gendang gangsa dan kemungkinan juga loceng gangsa adalah berasal dari Tanah Besar Asia sama ada Vietnam atau China. Menurut Peter Bellwood, gendang gangsa adalah berasal dari utara Vietnam kira-kira 600 SM. Kemudian, artifak ini mula tersebar ke kawasan lain di Asia Tenggara, sementara itu kehadirannya di Semenanjung Malaysia berkemungkinan berlaku sewaktu era perdagangan berkembang iaitu di dalam abad ke-2 atau ke-3 Masihi.<sup>38</sup> Pendapat ini juga dikemukakan oleh Heine Gildern (1945) yang menyatakan bahawa gendang gangsa adalah berasal dari utara Vietnam. Menurutnya,

*“Others have suggested the origin of the drums was northern Vietnam, based on certain motifs of decoration on the drum of Sangean (east of Sumbawa) which consist of humans dressed in Chinese or Tartar style.”*

Sementara itu, Bernet Kempers berpendapat lokasi awal penemuan objek ini adalah di Bac Bo, utara Vietnam. Lokasi tersebut terletak di sebelah tebing Sungai Ma yang terletak lebih kurang 10 kilometer ke timur laut bandar Thanh-Hoa.<sup>39</sup> Pendapat ini juga telah ditegaskan oleh Diep Dinh Hoa yang menyatakan bahawa kebudayaan Dongson sememangnya adalah bermula di Tebing Sungai Ma, utara Vietnam, sebelum ia tersebar ke beberapa kawasan lain di Asia Tenggara.<sup>40</sup> Pandangan ini juga disokong oleh Tawara Kanji yang menyatakan bahawa tapak jumpaan awal artifak gendang gangsa adalah terletak di atas tebing Sungai Ma dengan ketinggian kira-kira 2 meter dari aras laut.<sup>41</sup>

Manakala menurut Niita Eiji, salah satu faktor penyebaran gendang gangsa di kawasan Nusantara dikaitkan dengan bekalan rempah ratus dan juga bijih timah yang sangat dikedhendaki oleh masyarakat di tanah besar Asia.<sup>42</sup> Sumber bahan mentah yang amat diperlukan untuk menghasilkan gendang gangsa ini secara tidak langsung telah menjadi faktor penarik kepada penyebarannya di Alam Melayu. Selain mempunyai kedudukan, ketua puak tempatan juga lazimnya mempunyai kuasa ekonomi ingin mendapatkan gendang gangsa bagi meningkatkan status mereka dalam kalangan masyarakat. Penyebaran gendang gangsa khususnya gendang gangsa berkembang selari dengan aktiviti perdagangan maritim di antara Tanah Besar Asia dengan Alam Melayu.<sup>43</sup>

Sebaliknya, Leong Sau Heng lebih cenderung untuk mengaitkan salah satu faktor yang membantu penyebaran gendang gangsa ke kawasan Asia Tenggara adalah pada zaman prasejarah melalui aktiviti perdagangan. Pandangan ini dikaitkan dengan kemunculan beberapa pelabuhan yang terletak di muara sungai atau pesisir pantai Semenanjung Malaysia seperti Kampung Batu Buruk (Terengganu), Kampung Pencu (Muar, Johor), Sungai Lang dan Jenderam Hilir (Selangor), Lembah Bernam dan Kuala Selinsing (Perak) dan sebagainya.<sup>44</sup> Pandangan beliau ini sebenarnya adalah dikaitkan dengan keperluan bahan untuk menghasilkan gendang gangsa diperoleh daripada pelabuhan tersebut. Malahan pandangan ini juga telah diperkuatkan lagi berdasarkan kajian tipologi ke atas jumpaan serpihan gendang gangsa dari jenis Dongson di kawasan Klang adalah hampir sama dengan jumpaan di utara Vietnam. Menurutnya lagi, besar kemungkinan bijih timah dari Lembah Klang dan Sungai Langat (Selangor) telah diperdagangkan ke kawasan utara Vietnam pada zaman silam. Kebetulan pula gendang gangsa hanya boleh didapati menerusi para pedagang dari Tanah Besar Asia khususnya Vietnam. Oleh itu, untuk mendapatkan gendang gangsa maka bermulalah proses pertukaran barang dari luar dengan barang tempatan. Walau bagaimanapun beliau tidak menolak teori penyebaran ini juga adalah disebabkan oleh polisi perluasan kuasa yang diamalkan oleh pemerintahan Dinasti Han. Menurutnya lagi, migrasi dari Vietnam telah membawa beberapa objek penting semasa melarikan diri ke kawasan selatan dengan menggunakan jalan laut sama ada ke Semenanjung Tanah Melayu, Jawa, Borneo, Bali, Sulawesi atau sebagainya.

*“A few scholars have suggested that some of the drums might have been brought in by Vietnamese migrations to South, especially the native chiefs who were trying to flee from the advancing Han imperial forces under General Ma Yüan.”<sup>45</sup>*

Berasaskan perbincangan di atas adalah jelas menunjukkan terdapat pelbagai polemik tentang penyebaran gendang gangsa di Asia Tenggara. Pada masa yang sama wujud andaian bahawa penyebaran gendang gangsa adalah dikaitkan sebagai bukti penyebaran kebudayaan Dongson. Hakikat sebenarnya ialah penyebaran gendang gangsa merupakan sebahagian daripada pelbagai jenis artifak lagi yang dihasilkan oleh masyarakat pada zaman Logam yang mengamalkan kebudayaan Dongson. Tidak dinafikan penyebaran gendang Dongson di Asia Tenggara adalah melalui aktiviti perdagangan disebabkan oleh fungsinya yang pelbagai guna sehingga menjadi objek yang penting pada zaman tersebut.

Tuntasnya polemik berkaitan dengan kebudayaan Dongson di Asia Tenggara tidak ada titik noktah. Hal ini demikian kerana penyelidikan dalam bidang arkeologi sentiasa dilakukan oleh kalangan sarjana sama ada penyelidik tempatan mahupun penyelidik dari Barat. Penemuan objek kebudayaan ini khususnya gendang gangsa sentiasa dilaporkan dari semasa

ke semasa. Umpamanya pada 28 April 2020 yang lalu, Thailand Fine Arts Department, Kementerian Kebudayaan Thailand melaporkan penemuan sebuah gendang gangsa yang boleh dianggap sebagai salah satu penemuan yang terkini khususnya di Thailand. Penemuan gendang gangsa yang dianggap mempunyai signifikan dengan kebudayaan zaman Logam ini telah ditemui di Mukdahan Province, timur laut, Thailand. Penemuan ini dianggap menarik kerana objek seperti ini juga dilaporkan turut ditemui di beberapa buah negara di Asia Tenggara seperti Burma, Vietnam, Laos, Cambodia, Malaysia dan Indonesia.<sup>46</sup> Malahan penyelidik di Vietnam dan China khususnya juga masih meneruskan kajian mereka dari semasa ke semasa untuk membongkar tentang kebudayaan ini. Liputan kawasan yang luas tersebarinya kebudayaan Dongson juga menyebabkan muncul pelbagai tanggapan baru mengenai perkembangan kebudayaan ini. Tambahan pula penggunaan teknologi terkini memudahkan penyelidikan dilakukan dengan disokong oleh bukti saintifik yang sahih dan relevan.

## **Kesimpulan**

Selepas lebih seratus tahun kajian yang dilakukan oleh sarjana terhadap gendang gangsa, kebudayaan Dongson terus menjadi polemik dalam kalangan penyelidik. Polemik ini wujud disebabkan oleh munculnya pelbagai pandangan tentang penemuan artifak yang mewakili zaman Logam di merata tapak arkeologi sama ada di China atau Asia Tenggara. Antaranya ialah polemik tentang asal usul, periodisasi dan bentuk penyebaran kebudayaan Dongson di Asia Tenggara.

Namun demikian, polemik tentang kebudayaan Dongson tidak berakhir di situ sahaja. Sebenarnya ia masih menjadi tanda tanya sejauhmana kebudayaan ini diamalkan khususnya oleh masyarakat di Asia Tenggara. Hasil kajian setakat ini menunjukkan penyebaran gendang gangsa di Asia Tenggara lebih kepada objek perdagangan dibandingkan fungsinya yang pelbagai. Namun dari segi pengamalan kebudayaan Dongson ia masih sukar untuk dibuktikan secara tuntas. Sebaliknya ia memerlukan satu kajian yang lebih komprehensif lagi untuk menjawab segala polemik yang masih menjadi tanda tanya tersebut.

## **Penghargaan**

Penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang telah memberi Geran Penyelidikan Universiti Fundamental (GPUF) yang bertajuk ‘Identifikasi tapak prasejarah untuk pembinaan Web Portal e-Lenggong Heritage Site di tapak warisan dunia Lenggong “Pasca COVID-19” (Kod-2021-0232-106-01).

## Biodata

\* **Adnan Jusoh** ([adnan.jusoh@fsk.upsi.edu.my](mailto:adnan.jusoh@fsk.upsi.edu.my)) merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Received: 28 September 2022

Reviewed: 29 September 2022

Accepted: 7 Disember 2022

## Nota

<sup>1</sup> Adnan Jusoh, *Kebudayaan Dongson di Asia Tenggara - Sejarah Kemunculan dan Perkembangan*, Penerbit UPSI, Tanjung Malim, 2021, hlm. 1.

<sup>2</sup> Bernet Kempers, *The Kettledrums of Southeast Asia*, A.A. Balkema, Rotterdam, 1988, hlm. 38.

<sup>3</sup> Adnan Jusoh, "Gendang gangsa di Asia Tenggara dan China berdasarkan klasifikasi Franz Heger", *Jurnal Arkeologi Malaysia*, Vol. 33(2), 2020, hlm. 91-104.

<sup>4</sup> Adnan Jusoh, *Kebudayaan Dongson di Asia Tenggara - Sejarah kemunculan dan perkembangan*, hlm. 1.

<sup>5</sup> Ibid, hlm. 8.

<sup>6</sup> Adnan Jusoh, "Kebudayaan Dongson di Asia Tenggara: Satu tafsiran berdasarkan penemuan arkeologi", *Jurnal PURBA*, Bil. 35, Persatuan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur, 2016, hlm. 1-28.

<sup>7</sup> John Tessitore, "View from the East Mountain: An examination of the relationship between the Dongson and Lake Tien civilizations in the First Millennium BC", *Asian Perspectives*, Vol. 28, No. 1, 1990, hlm. 31-44.

<sup>8</sup> Per Sorensen, The Dongson culture and tradition in Southeast Asia, Kertas Kerja International seminar on Dongson culture and tradition in Southeast Asia, Muzium Negeri Terengganu, Malaysia, 14-17 Januari 2002.

<sup>9</sup> Leong Sau Heng, Heger 1 type drums found in Malaysia: Some comments on the significances of these finds, Kertas Kerja International seminar on Dongson culture and tradition in Southeast Asia, 14-17 Januari 2002, Muzium Negeri Terengganu, Malaysia.

<sup>10</sup> Charles Higham, *Early Cultural Mainland Southeast Asia*, Thailand: River Books, 2002, hlm. 172.

<sup>11</sup>Ibid, hlm. 175.

<sup>12</sup> Matinee Jirawathana, The bronze kettle drums in Southern Thailand, *Proceedings of the seminar on Thailand-Malaysia*, Malay Peninsular archaeology programme, 4-10 September 2004, hlm. 63-78.

<sup>13</sup> R.M. Cooler, *The Karen Bronze Drums of Burma*, E.J. Brill, Leiden, 1979, hlm. 38.

<sup>14</sup> Bernet Kempers, *The Kettledrums of Southeast Asia*, A.A. Balkema, Rotterdam, 1988, hlm. 38.

<sup>15</sup> H.R. Van Heekeren, *The Bronze-Iron Age of Indonesia*, S-Gravenhage-Martinus NIJHOGG, 1958, hlm. 92-99.

<sup>16</sup> Ibid.

<sup>17</sup> Charles Higham, *Early Cultural Mainland Southeast Asia*, Thailand: River Books, 2002, hlm. 170.

<sup>18</sup> Judith Cameron, "New research into Dongson cloth from waterlogged sites in Vietnam", Dlm. Elisabeth A. Bacus, Ian G. Glover & Viencent C. Pegott, (pnyt.), *Uncovering Southeast Asia's past*, The British Museum, London, 2004, hlm. 196-201.

<sup>19</sup> Hayden L. Cherry, "Social communication and colonial archaeology in Vietnam", *New Zealand Journal of Asian Studies*, Vol. 6, No. 2, 2004, hlm.111-126.

<sup>20</sup> Ibid.

<sup>21</sup> Olov Janse, *Archaeological Research in Indo-China*, 3 vols. Bruges, 1958, hlm. 91

<sup>22</sup> Bernhard Kalgren, The date of the early Dong-so'n culture, *BMFEA*, 1942, hlm. 1-128

<sup>23</sup> Hayden L. Cherry, Social communication and colonial archaeology in Vietnam, hlm.111-126.

<sup>24</sup> Per Sorensen, The Dongson culture and tradition in Southeast Asia, Kertas Kerja International seminar on Dongson culture and tradition in Southeast Asia, 14-17 Januari 2002.

<sup>25</sup> Ibid.

<sup>26</sup> Ibid.

<sup>27</sup> Pisit Charoewongsa, "Early Southeast Asian bronze in the light of excavation in Thailand", Dlm, *Bronze Culture in Asia*, Asian Cultural Documentation Centre for Unesco, Tehran, Iran, 1972, hlm. 53-78.

<sup>28</sup> R.E. Murrowchick, The development of early bronze metallurgy in Vietnam and Kampuchea: A reexamination of recent work, *Conference on ancient metallurgy*, Zhengzhou, China, 21-26 Oktober 1986, hlm. 2.

<sup>29</sup> Tawara Kanji, The origin of the Olov Janse collections and its problems, *The 17<sup>th</sup> Congress of Indo Pacifics Prehistory Association*, Academia Xinica, Taipei R.O.C., September 9-15, 2002.

<sup>30</sup> Ibid.

<sup>31</sup> Leong Sau Heng, "Some observations on a newly found Dongson type bronze kettledrum from Selangor", *Jurnal Seri Alam*, Bil. 4, 1998, hlm. 5.

<sup>32</sup> Bernet Kempers, *The Kettledrums of Southeast Asia*, hlm. 269.

<sup>33</sup> R.P. Soejono, The role of Prehistoric bronze drums in Indonesia, Kertas Kerja International seminar on Dongson Culture and tradition in Southeast Asia, Muzium Negeri Terengganu, Malaysia, 14-17 Januari 2002.

<sup>34</sup> W. Linehan, "Traces of Bronze Age culture associated with Iron Age implements in the regions of Klang and the Tembeling, Malaya", *JMBRAS*, bil. 24, 1951, hlm. 1-56.

<sup>35</sup> Ibid.

<sup>36</sup> Bernet Kempers, *The Kettledrums of Southeast Asia*, hlm. 11.

<sup>37</sup> Ibid, hlm. 4.

<sup>38</sup> Peter Bellwood, *Prehistory of the Indo-Malaysian Archipelago*, Academic Press, Australia, 1985, hlm. 272-317

<sup>39</sup> Bernet Kempers, *The Kettledrums of Southeast Asia*, hlm. 4.

<sup>40</sup> Diep Dinh Hoa, 'Bronze drums of Dian Culture - one of the tradition of the Dongson drum system' Kertas Kerja International seminar on Dongson culture and tradition in Southeast Asia, 14-17 Januari 2002, di Muzium Negeri Terengganu, Malaysia.

<sup>41</sup> Tawara Kanji, The origin of the Olov Janse collections and its problems, *The 17<sup>th</sup> Congress of Indo Pacifics Prehistory Association*, September 9-15, 2002.

<sup>42</sup> Niita Eiji, "The Mekong Basin toward society based on Heger I drums and Bronze Halberds. Excavation of Dai Trach: A Bronze Age settlement site in the Red River Plain". Kertas Kerja The 7<sup>th</sup> Congress Indo Pacific Academia Sinica, Taipei, Taiwan. R.O.C. September 9-5, 2002.

<sup>43</sup> Adnan Jusoh,"Kebudayaan Dongson di Asia Tenggara: Satu tafsiran berdasarkan penemuan arkeologi", *Jurnal PURBA*, Bil. 35, 2016, hlm. 1-28.

<sup>44</sup> Leong Sau Heng, Heger 1 type drums found in Malaysia: Some comments on the significances of these finds, Kertas Kerja International seminar on Dongson culture and tradition in Southeast Asia, 14-17 Januari 2002, Muzium Negeri Terengganu, Malaysia.

<sup>45</sup> Ibid.

<sup>46</sup> Adnan Jusoh, "Sejarah penyelidikan dan penemuan gendang gangsa di Thailand", *Jurnal Arkeologi Malaysia*, Vol. 34, No. 2, 2021, hlm. 49-63.

## Rujukan

Adnan Jusoh, "Kebudayaan Dongson di Asia Tenggara: Satu tafsiran berdasarkan penemuan arkeologi", *Jurnal PURBA*, Bil. 35, Persatuan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur, 2016.

Adnan Jusoh, "Gendang gangsa di Asia Tenggara dan China berdasarkan klasifikasi Franz Heger", *Jurnal Arkeologi Malaysia*, Vol. 33, No. 2, 2020.

Adnan Jusoh, "Sejarah penyelidikan dan penemuan gendang gangsa di Thailand", *Jurnal Arkeologi Malaysia*, Vol. 34, No. 2, 2021.

Adnan Jusoh, *Kebudayaan Dongson di Asia Tenggara - Sejarah kemunculan dan perkembangan*, Tanjung Malim: Penerbit UPSI, 2021.

Bernet Kempers, *The Kettledrums of Southeast Asia*, Rotterdam: A.A. Balkema, 1988.

Bernhard Kalgren, 'The date of the early Dong-so'n culture', *BMFEA*, 1942.

Charles Higham, *Early Cultural Mainland Southeast Asia*, Thailand: River Books, 2002.

Cooler, R.M.,*The Karen bronze drums of Burma*, Leiden: E.J. Brill, 1979.

Hayden L. Cherry, "Social communication and colonial archaeology in Vietnam", *New Zealand Journal of Asian Studies*, Vol. 6, No. 2, 2004.

Judith Cameron, "New research into Dongson cloth from waterlogged sites in Vietnam", dlm. Elisabeth A. Bacus, Ian G. Glover & Viencent C. Pegott, (pnyt.), *Uncovering Southeast Asia's past*, London: The British Museum, 2004.

Leong Sau Heng, 'Heger 1 type drums found in Malaysia: Some comments on the significances of these finds'. Kertas Kerja International seminar on Dongson culture and tradition in Southeast Asia, 14-17 Januari 2002, Muzium Negeri Terengganu, Malaysia.

- Matinee Jirawathana, ‘The bronze kettle drums in Southern Thailand’, *Proceedings of the seminar on Thailand-Malaysia*. Malay Peninsular archaeology programme, 4-10 September, 2004.
- Murrowchick, R.E., ‘The development of early bronze metallurgy in Vietnam and Kampuchea: A reexamination of recent work’, *Conference on ancient metallurgy*, Zhengzhou, China. 21-26 Oktober 1986.
- Niita Eiji., ‘The Mekong Basin toward society based on Heger I drums and Bronze Halberds. Excavation of Dai Trach: A Bronze Age settlement site in the Red River Plain’, Kertas Kerja The 7<sup>th</sup> Congress Indo Pacific Academia Sinica, Taipei, Taiwan. R.O.C., 9-15 September, 2002.
- Olov Janse, *Archaeological Research in Indo-China*, 3 Vols. Bruges, 1958.
- Per Sorensen, ‘The Dongson culture and tradition in Southeast Asia’, Kertas Kerja International seminar on Dongson culture and tradition in Southeast Asia, 14-17 Januari 2002.
- Pham Huy Thong, *Dong Son drums in Vietnam*, Vietnam Social Sience Publishing House, 1990.
- Pisit Charoewongsa, ‘Early Southeast Asian bronze in the light of excavation in Thailand’, dlm. *Bronze culture in Asia*, Asian Cultural Documentation Centre for Unesco, Tehran, Iran, 1972.
- Tawara Kanji, ‘The origin of the Olov Janse collections and its problems’, *The 17<sup>th</sup> congress of Indo Pacifics Prehistory Association*, Academia Xinica, Taipei R.O.C. September 9-15, 2002.
- Tessitore, J., “View from the East Mountain: An examination of the relationship between the Dongson and Lake Tien civilizations in the First Millennium BC”, *Asian Perspectives*, Vol. 28, No. 1, 1990.
- Van Heekeren, H.R., *The Bronze-Iron Age of Indonesia*, S-Gravenhage-Martinus NIJHOGG, 1958.